

U PB 30-11 00129 BH509

AAB

LEAD Mahathir - Komen

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Ucapan bersemangat Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perasmian Perhimpunan Agung parti itu di sini harus dijadikan panduan kepada parti-parti politik di negara ini termasuk di kalangan pembangkang.

Para pemimpin parti komponen Barisan Nasional berpendapat bahawa ucapan Perdana Menteri itu ialah nasihat yang tepat bagi menjayakan usaha-usaha pembangunan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba berkata, ucapan itu harus dijadikan pengajaran dan petunjuk bagi seluruh golongan rakyat termasuk pembangkang.

Encik Ghafar berkata, ucapan itu harus dibukukan untuk dijadikan panduan bagi mencapai perpaduan negara.

+Ucapannya seperti seorang bapa yang ingin menimbul' semangat perpaduan di negara ini,+ katanya ketika diminta mengulas ucapan Datuk Seri Dr Mahathir. -- Lagi.

♥30/11/14-17MST

CNS4002

U PB 30-11 00137 BH510

AAB

LEAD Mahathir - Komen 2 Kuala Lumpur

Encik Ghafar berkata, parti-parti pembangkang harus mengambil perhatian kepada perkara yang dibangkitkan oleh Perdana Menteri.

Katanya, para pembangkang harus bersikap membina dengan memberikan kritik-kritik yang membina; dan tidak hanya mengkritik secara melulu sahaja.

Parti-parti pembangkang harus membantu usaha kerajaan meningkatkan pelaburan dan juga menggalakkan orang ramai khususnya mereka di luar untuk bekerja kuat.

Kerajaan bersedia menerima sebarang kritikan, tetapi ia haruslah bersifat membina, katanya.

Sehubungan dengan itu, Encik Ghafar bersetuju dengan Perdana Menteri supaya media massa bersifat membina dan berperanan sebagai agen pembangunan masyarakat.

Sebagai contoh, sistem dua parti yang dikempen oleh pembangkang pada pilihan raya yang lepas adalah tidak sesuai di Malaysia, sambil menegaskan sistem pelbagai kaum yang diamalkan sekarang ialah paling wajar dan sesuai. -- Lagi.

♥30/11/14-21MST

CNS4010

U PB 30-11 00143 BC179

AAB

LEAD Mahathir - Komen 3 Kuala Lumpur

Bagi mencapai perpaduan nasional, Encik Ghafar berkata, konsep kewujudan kaum-kaum di Malaysia harus diterima tanpa prasangka.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ucapan Presiden itu harus dijadikan tema dalam perjuangan UMNO dekad 90-an.

Beliau berkata, ucapan itu menyentuh tentang cita-cita perjuangan parti dengan memberi penekanan terhadap beberapa isu pokok yang boleh dijadikan sebagai program perjuangan parti seterusnya.

Seorang lagi Naib Presiden parti itu, Datuk Abdullah Ahmad Badawi pula berpendapat saranan Perdana Menteri supaya kepentingan parti lebih perlu diutamakan, paling tepat diulangi pada waktu ini.

Katanya, pemilihan ini, akan menentukan barisan pemimpin tiga tahun akan datang dan merekalah yang memainkan peranan penting dalam memperjuangkan pelaksanaan dasar ekonomi selepas Dasar Ekonomi Baru.

Katanya, anggota-anggota UMNO inginkan para pemimpin yang boleh memimpin parti. -- Lagi.

♥30/11/14-38MST

CNS4011

U PB 20-11 00146 BC180

AAB

LEAD Mahathir - Komen 4 Kuala Lumpur

Presiden USNO, Tun Datu Mustapha Datu Harun pula berkata, amanat dan pandangan Perdana Menteri itu datangnya daripada seorang pemimpin yang ikhlas dan jujur yang ingin melihat Malaysia maju dan dihormati oleh dunia.

Beliau menyarankan semua rakyat negara ini supaya akur dan mengamalkan nasihat dan pandangan Perdana Menteri itu tanpa mengira bangsa, agama dan negeri.

Presiden SNAP, Datuk Amar James Wong pula menyifatkan ucapan itu sebagai lengkap dan berorientasikan kecemerlangan.

Ia mengambil kira semua aspek dan kepentingan semua kaum dalam membawa era kemajuan negara dan bangsa Malaysia ke tahap yang cemerlang, katanya.

Beliau berkata, ucapan itu mencerminkan Perdana Menteri sebagai seorang pemimpin negara yang matang dan berpengalaman.

+Pandangan Presiden UMNO itu patut diamalkan oleh semua rakyat negara ini jika mereka ingin menikmati kebahagiaan dan kemakmuran,+ katanya. --
Lagi.

♥30/11/14-40MST

CNS4012

U PB 30-11 00145 BC181

AAB

LEAD Mahathir - Komen 5 Kuala Lumpur

Mengenai teguran Perdana Menteri terhadap liputan akhbar Cina, beliau berkata, ia menunjukkan Datuk Seri Dr Mahathir mengambil berat kebajikan rakyat.

Beliau berkata, akhbar-akhbar harus melaporkan perkara-perkara yang memanfaatkan rakyat dan mengelakkan daripada menonjolkan isu-isu negatif.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Koh Tsu Koon pula berkata, nasihat Perdana Menteri tentang peranan politik supaya mementingkan negara dan kebajikan rakyat daripada diri sendiri amat tepat sekali.

+Jika mahu masuk arena politik untuk diri sendiri lebih baik berniaga atau cari kerja lain,+ katanya.

Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhamad Haji Muhammad Taib pula berkata, ucapan itu menunjukkan Datuk Seri Dr Mahathir berpandangan jauh dan ingin Malaysia bersaing dengan negara-negara maju.

Beliau yakin Perdana Menteri akan berjaya dengan wawasannya itu dan meletakkan bangsa Malaysia sebagai satu bangsa yang bermaruah. — Lagi.

♥30/11/14-47MST

CNS4023

U PB 30-11 00166 BC182

AAB

LEAD Mahathir - Komen 6 Kuala Lumpur

Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz pula menyentuh mengenai peranan kesatuan sekerja dalam bidang industri di negara ini yang patut dibendung supaya tidak mengganggu-gugat arah aliran bidang itu.

Menurutnya, jika tidak dibendung kegiatan yang bercorak politik di kalangan pemimpin kesatuan sekerja, ia akan secara langsung mewujudkan kegelisahan di kalangan pekerja akibat daripada hasutan dan unsur negatif.

+Perkara sedemikian juga akan menyebabkan pelabur asing dan tempatan enggan untuk terus atau menambah pelaburan,+ tambah beliau.

Mengenai pertandingan merebut jawatan Naib Presiden parti, Datuk Seri Rafidah berkata, tidak semestinya jawatan yang direbut merupakan batu loncatan.

+Tidak bermakna menjadi Naib Presiden akan menentukan seseorang itu akan terus menjadi Timbalan dan Perdana Menteri,+ katanya.

Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib pula berkata, ucapan Presiden mengenai pertandingan jawatan parti memberi keinsafan dan pengajaran besar kepada anggota perwakilan kerana apa yang mustahak ialah kesinambungan UMNO dan bukan individu. — Lagi.

♥30/11/15-00MST

CNS4029

U PB 30-11 00123 BC183

AAB

LEAD Mahathir - Komen 7 Kuala Lumpur

Bekas Timbalan Presiden MIC, Datuk S.Subramaniam berkata, beliau tertarik dengan ingatan Datuk Seri Dr Mahathir tentang sikap kebanyakan anggota parti politik yang mengutamakan +nikmat+ daripada +khidmat+.

Katanya, mesej itu ialah supaya semua anggota mengutamakan khidmat mereka untuk kepentingan parti demi menjamin perpaduan dan mengelakkan perpecahan dalam parti.

Beliau juga berkata, teguran Perdana Menteri terhadap akhbar-akhbar Cina bertujuan mengingatkan semua pihak bahawa tiada gunanya mereka mengagung-agungkan setiap sistem yang dicipta di Barat.

+Masyarakat Malaysia telah membuktikan dalam pelbagai aspek yang kita tidak perlu meminjam budaya politik orang lain kerana berdasarkan komposisi masyarakat yang ada, kita telah berjaya bekerjasama dalam satu parti komponen pelbagai bangsa,+ katanya. -- Bernama.

♥30/11/15-04MST